

14/03/2003

Media Barat dibidas perkecil ucapan Dr M

Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR: PakistanLink, akhbar internet pertama Pakistan, menyelar sikap berat sebelah media Barat, terutama di Amerika Syarikat (AS), kerana tidak menyiarkan ucapan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika mempengerusikan Sidang Kemuncak Pergerakan Negara Berkecuali (NAM) di sini, bulan lalu.

Menurut laman web itu, media Amerika tidak menghiraukan ucapan Dr Mahathir atau memberi terlalu sedikit liputan, mungkin kerana menganggap idea Perdana Menteri tidak dapat diterima atau bertentangan dengan agenda mereka.

Hakikatnya, menurut PakistanLink, sidang NAM ke-13 itu sendiri adalah persidangan terbesar pernah diadakan sejak penubuhannya pada 1961 dan 116

anggotanya mewakili dua pertiga masyarakat dunia.

"Bukan itu saja, sidang kemuncak ini dihadiri beberapa anggota bukan tetap Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) yang sokongan mereka diperlukan Amerika untuk meluluskan resolusinya ke atas Iraq," kata penulisnya, S Arif Hussaini di laman itu.

Dalam ucapannya, Perdana Menteri antara lain menyarankan supaya perang diharamkan.

Arif berkata ucapannya Dr Mahathir pada sidang NAM itu, kemudian diikuti

beberapa pemimpin lain yang berbentuk senada.

"Pada saya, walaupun ucapan Dr Mahathir kelihatan radikal, adalah lebih berfaedah untuk belajar pendapat seorang negarawan itu," katanya yang turut menurunkan semula kandungan ucapan Perdana Menteri sebagai rujukan.

Bagaimanapun, Arif tidak menamakan media Barat yang tidak menyiarkan ucapan Dr Mahathir itu.

Beliau berkata, walaupun NAM kelihatan kurang penting selepas berakhirnya perang dingin, ia masih berfungsi dalam dunia unipolar.

Ahad lalu, Berita Minggu turut menyiarkan rencana yang menggambarkan sikap prejudis pemberita media asing dalam membuat laporan mengenai sidang

NAM ke-13 dan diikuti mesyuarat tidak rasmi Pertubuhan Persidangan Islam (OIC).

Selain media Amerika, akhbar Australia meskipun menyiarkan laporan sidang NAM, lebih memberi gambaran negatif.

The Australian melalui laporan wartawannya yang dihantar membuat liputan

di Kuala Lumpur, menggunakan pelbagai gelaran sebagai merujuk kepada negara yang dianggap "paksi kejahatan" oleh Presiden George W Bush, seperti Iraq, Iran dan Korea Utara.

Sehari sebelum sidang NAM, akhbar itu menyiarkan laporan muka depan bertajuk "Global bad boys gather for gadfest" dan sehari kemudian dengan tajuk "Dark corners reject US policy - countdown to war", dengan

permulaan

beritanya antara lain berbunyi "Leaders of some of the world's most troublesome regimes yesterday attacked "US aggression colonialism, continuing a diatribe against the West that has marked a gathering of 116

largely countries."

Akhbar itu memberi gambaran seolah-olah negara anggota NAM sebagai `budak jahat' (bad boys) kononnya kerap menimbulkan kacau-bilau di dunia ini. Padahal dalam senario sekarang, `budak jahat' lebih sesuai untuk Presiden George W Bush yang beria-ia mahu menyerang Iraq, Perdana Menteri Britain, Tony Blair dan Perdana Menteri Australia, John Howard.